

	PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI
	GARIS PANDUAN PERMOHONAN SKIM GERAN PADANAN PENYELIDIKAN UTeM (UTeM-UNIVERSITY RESEARCH MATCHING GRANT SCHEME)

1.0 PENGENALAN

Dokumen ini menerangkan garis panduan mengenai proses permohonan dan penilaian bagi permohonan skim UTeM-*University Research Matching Grant*. Tujuan pembukaan geran ini adalah bagi menggalakkan projek penyelidikan berlandaskan industri di kalangan penyelidik UTeM seterusnya meninjau potensi lain melangkaui bidang penyelidikan seperti perundingan, latihan dan pengkomersialan. Secara tidak langsung penyelidikan yang dijalankan turut menyumbang kepada penarafan bintang MyRA menerusi pertambahan bilangan ketua penyelidik, bilangan geran industri, nilai geran yang diterima dan yang dibelanjakan.

2.1 UTeM-UNIVERSITY RESEARCH MATCHING GRANT (URMG)

2.2 PENDAHULUAN

URMG merupakan projek penyelidikan usaha sama di antara UTeM dan Rakan Kolaborasi yang akan membiayai kos projek secara sama rata iaitu 1:1 dalam tempoh tertentu.

2.3 SYARAT PERMOHONAN

- 2.3.1 Geran terbuka kepada semua **Pensyarah, Pensyarah Kanan, Profesor Madya atau Profesor** yang telah berdaftar dengan Kumpulan Penyelidikan di UTeM. Guru Bahasa, Tutor & Jurutera Pengajar hanya dilantik sebagai penyelidik bersama.
- 2.3.2 Keahlian projek hendaklah terdiri daripada kombinasi 5 orang penyelidik UTeM (termasuk Ketua Projek). Selain daripada Penyelidik UTeM, projek juga perlu melibatkan penyelidik dari rakan kolaborasi. Tugas setiap ahli projek perlu jelas menyumbang kepada pencapaian objektif projek dan kumpulan.
- 2.2.3 Projek penyelidikan URMG adalah bersifat “***applied research***” berkonsepkan penyelesaian masalah industri/agensi/institut peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Dalam masa yang sama menyokong bidang tujahan UTeM dalam “*Advanced Manufacturing and Computing Technologies*” (AMCT).
- 2.2.4 Permohonan dibuat menggunakan borang **UTeM/CRIM/RND/001D** – UTeM-*UNIVERSITY RESEARCH MATCHING GRANT APPLICATION FORM* dan **hanya 1 permohonan** dibenarkan kepada seorang penyelidik.
- 2.2.5 Tempoh pelaksanaan projek penyelidikan adalah minimum **12 bulan dan tidak melebihi 24 bulan**. Tarikh mula projek adalah setelah mendapat perakuan daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).
- 2.2.6 Semakan peringkat Fakulti/Pusat/Institut/CoE perlu dilakukan dan diperakukan oleh Fakulti/Pusat/Institut/CoE sebelum dihantar ke CRIM. Penilaian peringkat Jawatankuasa Panel Penilai URMG akan menyokong permohonan yang memenuhi syarat dan berkualiti.
- 2.2.7 Kedua-dua pihak akan mengguna sama dana yang diterima, kemudahan makmal, aset dan inventori, pertukaran data dan maklumat bagi tujuan penyelidikan sahaja.

- 2.2.8 MoA perlu ditandatangani antara pihak UTeM dan rakan kolaborasi sebelum projek dijalankan.
- 2.2.9 Persidangan dalam negara sahaja dibenarkan maksimum **DUA (2)** kali sepanjang tempoh penyelidikan.
- 2.2.10 Kegagalan memenuhi syarat-syarat permohonan dan mematuhi Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan Universiti mengakibatkan permohonan ditolak.

2.3 PERATURAN KEWANGAN

- 2.3.1 Bajet peruntukan setiap projek adalah sebanyak **RM10,000 (minimum)** dan **RM50,000 (maksimum)** yang disumbangkan oleh setiap pihak UTeM dan Rakan Kolaborasi. Oleh itu, jumlah minimum keseluruhan peruntukan geran ialah sebanyak RM20,000 (UTeM – RM10,000 dan Industri – RM10,000) manakala jumlah maksimum keseluruhan peruntukan geran ialah sebanyak RM100,000 (UTeM – RM50,000 dan Industri/Agensi/Institut peringkat kebangsaan atau antarabangsa – RM50,000). Ia hendaklah berasaskan keperluan dan kesesuaian projek dengan mematuhi peraturan kewangan. Perbelanjaan perlu diperincikan, disamping mengambil kira langkah-langkah penjimatan dan berhemah.

2.3.2 Pecahan VOT URMG seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1

UTeM-UNIVERSITY RESEARCH MATCHING GRANT		
VOT	BUTIRAN	ANGGARAN (RM)
11000	Bayaran Kepada Pekerja Sementara dan Sambilan (Temporary & Contract Personel) - GRA	
21000	Perjalanan	Siling 10% daripada jumlah yang diluluskan
24000	Sewaan	
27000	Bekalan dan Bahan-bahan Lain	
28000	Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	
29000	Perkhidmatan Khas (<i>Special Service</i>)	
35000	Alat Kelengkapan dan Perabot	Siling VOT 35000, VOT 36000 (jumlah 2 VOT adalah 40% daripada jumlah dipohon)
36000	Inventori	

2.3.3 Segala perbelanjaan hendaklah berdasarkan kepada kertas cadangan asal.

2.3.4 Perbelanjaan penyelidikan dari rakan kolaborasi perlu mendapat pengesahan dan kelulusan dari Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UTeM dan dituntut oleh Ketua Penyelidik menggunakan borang *Claim Application Form* - CRIM/RND19.

- 2.3.5 Seorang (1) sahaja lantikan Pembantu Penyelidik (RA) dibenarkan sepanjang tempoh penyelidikan. Lantikan adalah berdasarkan keperluan projek dan peruntukan yang ada.

2.4 PROSEDUR PERMOHONAN

- 2.4.1 Kertas cadangan yang baik perlu menunjukkan hubung-kait jelas di antara ringkasan projek dan latar belakang, objektif yang boleh dicapai dalam tempoh dan kaedah penyelidikan yang hendak dilaksanakan.
- 2.4.2 Kertas cadangan perlu memaparkan carta alir dan carta *Gantt* bertanda *milestone* dengan jelas.
- 2.4.3 Pemohon dari pihak UTeM dan rakan kolaborasi akan melalui proses penilaian di organisasi masing-masing. Kedua-dua pihak mestilah mendapat kelulusan dari pihak pengurusan untuk melaksanakan projek ini.
- 2.4.4 Borang permohonan yang lengkap beserta *Letter of Intent* (LoI) dari Rakan Kolaborasi perlu melalui semakan di peringkat Fakulti/Pusat/Institut/CoE sebelum dihantar ke pihak CRIM.
- 2.4.5 Penilaian peringkat universiti akan dijalankan oleh Jawatankuasa Panel Penilai URMG yang dilantik oleh pihak CRIM.
- 2.4.6 Permohonan yang disokong oleh jawatankuasa ini akan diperaku oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) sebelum keputusan dikeluarkan.
- 2.4.7 Laporan kemajuan projek hendaklah dihantar 3 bulan sekali sepanjang tempoh penyelidikan.
- 2.4.8 Laporan akhir projek hendaklah dihantar dalam tempoh 2 bulan selepas geran tamat.

2.4.9 Sila rujuk Prosedur Permohonan URMG di Lampiran 1.

2.5 PENILAIAN KERTAS CADANGAN

2.5.1 Projek yang mempunyai impak ketara kepada UTeM dan kertas cadangan yang berkualiti sahaja akan dipertimbangkan.

2.5.2 Hanya permohonan yang mematuhi peraturan, jelas dan berkualiti layak diberi pembiayaan URMG. Risiko permohonan ditolak awal melalui *technical knock-out* boleh dikurangkan melalui semakan di peringkat Fakulti/Pusat/Institut/CoE.

2.5.3 Kesesuaian dan impak ke atas bidang tujahan kumpulan penyelidikan dan UTeM menjadi tumpuan penilaian.

2.5.4 Keputusan Jawatankuasa Panel Penilai URMG dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) adalah muktamad.

2.5.5 Carta alir proses permohonan dan penilaian URMG adalah seperti dalam Lampiran 2.

2.6 JANGKAAN HASIL

2.6.1 Menyatakan dengan jelas jangkaan hasil penyelidikan yang berimpak tinggi iaitu :

- i. Satu produk/prototaip, dan;
- ii. Sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan jurnal sitasi berindeks ISI/SCOPUS/ERA, atau;
- iii. Sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan jurnal sitasi berindeks ISI/SCOPUS/ERA dan satu (1) kertas persidangan, dan;
- iv. Sekurang-kurangnya satu (1) atau lebih pendaftaran harta intelek (paten/hakcipta)

Nota : Adalah dimaklumkan bahawa, semua aktiviti penyelidikan adalah tertakluk kepada polisi dan garis panduan berikut :

- i. *UTeM Research Policy*
- ii. *Guidelines For Research Management (Version 2, 2019)*
- iii. Peraturan kewangan universiti

2.4	PROSEDUR PERMOHONAN UTeM-UNIVERSITY RESEARCH MATCHING GRANT (URMG)
-----	---

Bil.	Proses kerja	Pegawai yang meluluskan/ dirujuk	Seksyen undang-undang/ peraturan
1	Pengisian borang permohonan beserta <i>Letter of Intent</i> (LoI) dari rakan kolaborasi.	Penyelidik/ Rakan Kolaborasi	Garis Panduan Permohonan UTeM-University Research Matching Grant Scheme
2	Semakan borang permohonan di peringkat Fakulti/Pusat/Institut/CoE	TDP/ Pengurus CoE	
3	Penilaian peringkat universiti akan dilakukan oleh Jawatankuasa Panel Penilai URMG	Jawatankuasa Panel Penilai URMG	
4	Permohonan yang lulus dihantar ke Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) untuk perakuan kelulusan	TNC (P&I)	
5	Memaklumkan kepada penyelidik yang berjaya melalui surat tawaran kepada Ketua Penyelidik.	Pengarah CRIM	

2.5

CARTA ALIR PERMOHONAN UTeM-UNIVERSITY RESEARCH MATCHING GRANT (URMG)

**Peringkat Pertama:-
Semakan Peringkat Fakulti
/Pusat/Institut/ Co E**
(diselaraskan oleh
Fakulti/Pusat/Institut/CoE)

Disokong dengan pindaan
iaitu dipulangkan kepada
Ketua Projek untuk proses
penambahbaikan

Mula

Ketua Penyelidik (PI) membuat permohonan
menggunakan borang permohonan *hardcopy*

Fakulti/Pusat/Institut/CoE membuat semakan

Tidak
Disokong

Tamat

Disokong

Borang permohonan oleh penyelidik dihantar ke CRIM.

**Peringkat Kedua:-
Penilaian Peringkat Universiti**
(diselaraskan oleh CRIM)

Panel Penilai Universiti membuat penilaian
mengikut syarat / peraturan yang ditetapkan

Diluluskan

Pengesahan dan perakuan TNCPI atas permohonan
yang diluluskan

Tidak
Diluluskan

Pemakluman permohonan yang berjaya kepada warga
UTeM.
Surat kelulusan dikeluarkan kepada Ketua Penyelidik

Tamat